

21 JAN 2003

Mahathir-Ekonomi/I

BENCANA JIKA MALAYSIA IKUTI NASIHAT IMF, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

BEIRUT, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bercakap mengenai bagaimana Malaysia mungkin akan musnah sekiranya ia mengikuti nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam mengendalikan krisis kewangan 1997.

Beliau berkata untuk mencapai pemulihan ekonomi pada ketika itu, IMF telah menasihatkan Malaysia agar menaikkan kadar faedah, mengadakan belanjawan lebihan dan membenarkan syarikat yang tenat menjadi muflis.

"Langkah-langkah itu akan mengakibatkan syarikat berkenaan boleh dibeli dengan murah oleh orang asing, dan menaikkan pinjaman tidak berbayar oleh bank yang akan mengakibatkan tekanan kewangan di semua pihak," katanya kepada kira-kira 400 anggota Parlimen dan ahli perniagaan Lubnan pada jamuan tengah hari pada hari terakhir lawatan dua harinya ke Lubnan.

"Semua itu akan memusnahkan ekonomi kami dan menamatkan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata berdasarkan senario itu, Malaysia telah menolak formula IMF dan merumuskan cara sendiri ke arah pemulihan walaupun ia agak "menakutkan" kerana negara terpaksa membelakangkan seluruh dunia.

"Semua orang kata kami akan musnahkan diri sendiri. Mereka yakin bahawa kami tidak tahu apa-apa mengenai kewangan," imbas beliau.

"Tetapi seperti yang anda tahu, kami berjaya, kami pulih. Sekarang ramai bersetuju bahawa cara IMF bukan satu-satunya cara untuk mengendalikan krisis kewangan. Malahan cara IMF itu adalah tiket kepada kemusnahan," kata Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan bahawa apabila pemulihan dicapai, hutang kepada IMF akan menyebabkan negara berkenaan akan terhutang kepadanya untuk bertahun-tahun lamanya dengan Malaysia pula tidak mempunyai masalah kewangan dan bebas, manakala IMF akan terus mengawasi Malaysia sambil menawarkan nasihat memudaratkan yang tidak diinginkan.

Menurutnya "Malaysia benar-benar merdeka", meminjam daripada IMF dan meletakkan ekonomi kami di bawah telunjuk mereka akan bermakna kehilangan kemerdekaan.

"Sebab itu kenapa sejak dari awal lagi Malaysia mengelakkan tawaran, bantuan dan pinjaman tetapi cuba hidup mengikut kemampuannya," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun pusat pentadbiran baru di Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bangunan tertinggi di dunia Menara Kembar Petronas, Lebuh raya Utara-Selatan sepanjang 800km menelan belanja berbilion ringgit, ia dalam kemampuan Malaysia.

"Sekiranya kami dilihat berbelanja lebih, ia adalah kerana orang menganggap bahawa kami tidak mampu membiayai projek yang kami laksanakan," katanya.

Tetapi beliau berkata Malaysia tidak meminjam banyak dari luar negara, dan ini telah menyelamatkan negara ketika nilai mata wang negara menurun ditambah dengan penjimatan kira-kira 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya.

Beliau juga berkata Malaysia menolak gesaan banyak pakar kewangan dari seluruh dunia agar mengapungkan ringgitnya, yang sejak September 1998 telah ditetapkan kadar tukarannya pada kadar RM3.8 bagi satu dollar.

"Kami tidak nampak kenapa. Perniagaan adalah selesai dengan kadar tetap dan ahli perniagaan mengetahui belanjawan mereka bagi tahun itu tidak perlu disemak kerana ketidakstabilan kadar tukaran," katanya.

Dr Mahathir berkata daripada segi persamaan kuasa membeli, ringgit

adalah hampir sama kukuh di Malaysia seperti dollar US di Amerika. Pendapatan per kapita Malaysia ialah sebanyak US4,000 iaitu sama dengan US10,000 di Amerika.

Mengenai perdagangan, beliau memberitahu ahli politik dan ahli perniagaan Lubnan bahawa Malaysia berminat membeli dan juga menjual dan melihat terdapat potensi besar bagi meningkatkan kadarnya dengan Asia Barat.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia bukan sebuah negara sosialis, ia juga mengguna pakai beberapa kaedah sosialis, bagi membolehkannya menggiatkan pembangunan termasuk bukan sahaja perancangan lima tahun tetapi juga perancangan jangka panjang, sehingga menjangkau tempoh 30 tahun.

Beliau berkata Malaysia juga meminjam kaedah sosialis apabila kerajaan melaksanakan industri berintensifkan modal seperti industri berat.

Walaupun hanya sebahagian daripadanya yang berjaya, inisiatif kerajaan berkenaan telah menjana banyak industri sokongan trutamanya dalam bidang kejuruteraan, dengan kilang dan peralatan perindustrian canggih dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Malaysia bagi pasaran domestik dan eksport.

Sebelum itu, Dr Mahathir turut dibawa melawat dengan menaiki pesawat, meninjau kerja-kerja baik pulih besar-besaran beberapa bangunan bersejarah di pusat bandaraya Beirut yang telah musnah semasa perang saudara Lubnan selama 15 tahun yang berakhir pada 1990.

Pada sidang media dengan Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri semalam, Dr Mahathir berkata beliau agak kagum melihat perubahan yang berlaku sejak lawatannya lima tahun lepas.

Dilaksanakan oleh sebuah syarikat dipanggil Solidere, pembangunan di pusat bandaraya yang pernah menjadi pusat kewangan di Asia Barat itu, pada era kira-kira seribu tahun dahulu telah digambarkan sebagai satu daripada pembangunan bandar kontemporari yang paling mengkagumkan di dunia.

Kemudiannya Dr Mahathir mengunjungi Presiden Lubnan, Nabih Berri.

Perdana Menteri dijadual berlepas ke Kaherah lewat Selasa bagi lawatan dua hari ke Mesir.

-- BERNAMA

AU AZH RHM